

# DEXTRODYL LINCTUS

Dextromethorphan hydrobromide / Promethazine hydrochloride (15mg / 3.6mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dextrodyl Linctus
2. Bagaimana Dextrodyl Linctus berfungsi
3. Sebelum mengambil Dextrodyl Linctus
4. Cara menggunakan Dextrodyl Linctus
5. Semasa menggunakan Dextrodyl Linctus
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dextrodyl Linctus
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apa kegunaan Dextrodyl Linctus

Gabungan dextromethorphan dan promethazine digunakan untuk melegakan gejala jangka pendek, terutamanya pada waktu malam, batuk yang mengganggu tidur yang dikaitkan dengan jangkitan saluran pernafasan bahagian atas, katar (pengumpulan kahak tebal atau lendir dalam saluran pernafasan atau rongga badan) dan kesesakan hidung.

## Bagaimana Dextrodyl Linctus berfungsi

Dextrodyl Linctus mengandungi dextromethorphan dan promethazine. Dextromethorphan merupakan penekan batuk dan digunakan untuk mengurangkan kekerapan batuk dan promethazine adalah sejenis antihistamina.

Dextromethorphan bertindak pada pusat kawalan batuk di otak yang menyebabkan batuk.

Promethazine bertindak sebagai antihistamina dengan menghalang kesan bahan kimia histamina yang dihasilkan secara semulajadi dalam tubuh kita.

## Sebelum mengambil Dextrodyl Linctus

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Dextrodyl Linctus sekiranya anda:

- mengalami alahan terhadap sebarang ubat yang mengandungi dextromethorphan atau promethazine.
- sedang atau pernah mengambil ubat-ubatan dalam kumpulan perencat monoamine oxidase untuk merawat masalah kemurungan dalam masa 14 hari yang lalu.

Jangan beri ubat ini kepada kanak-kanak berumur bawah 2 tahun. Untuk digunakan dengan berhati-hati dan nasihat doktor atau ahli farmasi pada kanak-kanak 2 hingga 6 tahun.

### - Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai alahan terhadap apa-apa ubat, makanan, bahan pengawet atau jika anda mempunyai apa-apa masalah perubatan seperti:

- batuk disertai rembesan berlebihan
- kerosakan fungsi hati
- asma

Anda berkemungkinan tidak boleh mengambil ubat ini atau anda memerlukan penyelarasan dos sekiranya anda mengalami mana-mana keadaan tersebut di atas.

Ubat ini mungkin membahayakan kepada janin dalam kandungan. Oleh itu beritahu doktor anda sekiranya anda hamil atau merancang untuk hamil semasa dalam rawatan.

Jangan mengambil dextromethorphan dan promethazine tanpa memberitahu doktor yang anda sedang menyusukan bayi.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu ahli farmasi sekiranya anda sedang mengambil sebarang ubat termasuk semua ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan lain.

Elakkan mengambil Monoamine Oxidase Inhibitor (MAOI) (ubat untuk kemurungan) bersama-sama ubat ini kerana gabungan bersama dextromethorphan boleh menyebabkan tindak balas toksik. Elakkan mengambil ubat antikolinergik, antidepressan tricyclic, sedatif dan ubat hipnotik.

## Cara menggunakan Dextrodyl Linctus

- Jangan mengambil ubat ini secara berlebihan atau lebih dari tempoh masa yang disarankan. Ikut arahan pada label ubat tersebut.
- Selalu tanya doktor sebelum memberikan ubat batuk atau selsema kepada kanak-kanak kecil. Kematian boleh berlaku akibat penyalahgunaan ubat batuk atau selsema dikalangan kanak-kanak kecil.
- Bagi memastikan anda mendapat dos yang tepat, guna sudu atau cawan pengukur dos dan bukan sudu biasa dirumah. Jika anda tiada alatan tersedia, mintalah ahli farmasi anda

### - Berapa banyak perlu diambil

Dewasa: 10 mL setiap enam hingga lapan jam. Maksima 40 mL sehari

Kanak-kanak 6-12 tahun: 5 mL setiap enam hingga lapan jam. Maksima 20 mL sehari.

2-6 tahun: 2.5 mL setiap enam hingga lapan jam. Maksima 10 mL sehari.

Kanak-kanak bawah 2 tahun: tidak digalakkan mengambilnya.

- Bila perlu diambil

Ambil ubat ini seperti atas arahan doktor.

Boleh diambil setiap 6-8 jam sehari.

- Berapa lama perlu diambil

Ubat batuk atau selsema biasanya diambil hanya untuk tempoh yang singkat sahaja sehingga simptom anda sudah hilang.

Batuk yang berterusan mungkin petanda keadaan yang serius. Jika batuk berterusan selama lebih dari 7 hingga 10 hari, cenderung untuk berulang atau diiringi demam panas, ruam atau sakit kepala yang berterusan, doktor perlu dirujuk.

- Jika terlupa mengambil

- Anda mungkin tidak perlu mengambil ubat ini mengikut jadual yang tetap kerana kebanyakan ubat batuk dan selsema hanya diambil bila perlu sahaja.
- Sekiranya ada mengikut jadual yang tetap semasa mengambil ubat ini dan anda terlupa satu dos, ambilnya segera apabila anda teringat. Tetapi sekiranya anda teringat waktu hampir dengan dos yang berikutnya, tinggalkan dos yang terlupa itu dan teruskan mengambil ubat pada masa yang sepatutnya itu. Jangan gandakan dos anda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos bagi dextromethorphan dan promethazine termasuk rasa keliru, teruja, konvulsi dan kesukaran bernafas.

**Semasa menggunakan Dextrody<sup>l</sup> Linctus**

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom anda tidak bertambah baik. Ahli farmasi atau doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan akan memberitahu sama ada anda perlu meneruskan atau tidak pengambilan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan meminum minuman beralkohol kerana ianya boleh meningkatkan kesan sampingan dextromethorphan dan promethazine.

Jangan menggunakan ubat-ubatan untuk batuk, selsema atau alergi/alahan yang lain tanpa memberitahu doktor atau ahli farmasi anda terlebih dahulu.

Dextromethorphan boleh didapati dalam banyak sediaan ubat yang boleh dibeli tanpa preskripsi di kedai-kedai farmasi. Sekiranya anda mengambil sesetengah ubat lain bersama-sama ubat ini anda berkemungkinan akan terambil ubat ini secara berlebihan. Baca label ubat lain yang anda gunakan jika ia mengandungi dextromethorphan.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini boleh menyebabkan mengantuk yang mungkin menjelaskan pemikiran atau reaksi anda. Berhati-hati jika anda memandu atau melakukan apa sahaja yang memerlukan anda untuk berjaga.

**Kesan-sesan sampingan**

Semua ubat boleh mempunyai kesan-sesan sampingan yang tidak diingini. Kadang kala ianya serius, tapi kebanyakannya masa ianya tidak. Doktor atau ahli farmasi anda telah menimbang risiko pengambilan ubat ini terhadap manfaat yang mereka harapkan untuk anda.

Teruskan mengambil dextromethorphan dan promethazine dan bincang dengan doktor anda sekiranya anda mengalami salah satu dari kesan sampingan berikut yang kurang serius:

- pening
- gangguan perut dan usus
- penglihatan kabur
- mulut kering
- pengekalan kencing

Kesan sampingan selain daripada yang disenaraikan di atas mungkin juga berlaku. Berbincang dengan doktor anda sebarang kesan sampingan yang luar biasa atau yang menganggu anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety)

**Cara penyimpanan dan pelupusan Dextrody<sup>l</sup> Linctus**

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Simpan di tempat yang tidak boleh dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Simpan pada tempat kering di bawah suhu 30°C.

- **Pelupusan**

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Dextrodyl Linctus atau ubat ini sudah melepassi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- **Rupa dan warna produk**

Dextrodyl Linctus:  
Sirap pekat dan sekata berwarna coklat dan berperisa.

- **Bahan-bahan kandungan:**

- Bahan aktif:  
Setiap 5 mL Dextrodyl Linctus mengandungi Dextromethorphan hydrobromide 15 mg, Promethazine hydrochloride 3.6 mg

- Bahan tidak aktif:  

- cherry essence
- chloroform spirit
- raspberry essence
- pengawet (methylparaben dan propylparaben)
- propylene glycol
- gula
- menthol
- sodium chloride
- liquid glucose
- citric acid
- liquid caramel
- saccharin sodium
- glycerine

- **Nombor MAL:**  
MAL19962569AZ

**Pengilang**

UPHA Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M)  
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

UPHA Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M)  
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.

**Tarikh kemaskini RIMUP**

19/12/2017

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)181217/00363